



13 JUN, 2023

FAMA sasar RM350 juta kelantan tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA sasar RM350 juta jualan di RTC Kelantan tahun ini

KOTA BHARU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan sebanyak RM350 juta jualan pelbagai produk pertanian, di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kelantan pada tahun ini.

Pengerusinya Abdul Rashid Bahri berkata sehingga Mei tahun ini, sebanyak RM122 juta hasil jualan diperolehi berbanding RM320 juta nilai jualan dicatatkan tahun lalu.

“Pemodenan kaedah niaga dalam kalangan penjaja kecil turut ditambah baik, meliputi aspek penyediaan premis, kemudahan yang lebih tersusun dan bersih, sekaligus memberi keselesaan kepada pengunjung, selain meningkatkan pendapatan usahawan serta penjaja.

“RTC Kelantan merupakan pusat pemasaran hasil pertanian borong dan runcit yang utama di negeri Kelantan, dan kita anggarkan seramai 1.5 juta pengunjung dijangka bertandang ke sini pada tahun ini,” katanya dalam kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata pihaknya turut menyediakan lot niaga melibatkan seramai 805 usahawan yang beroperasi setiap hari.

“Pada masa ini, komponen sedia ada terdiri daripada Blok Pentadbiran, Blok Peruncitan, Blok Pemborongan dan Blok Pelbagai, selain turut memiliki medan selera, tapak Florikultur, Pasarina dan Tapak Ekspo.

“RTC Kelantan turut menyediakan kemudahan penyewaan premis bagi penganjurankursus, acara dan majlis-majlis, yang dilengkapi dengan kemudahan seperti parkir yang luas serta fasiliti yang kondusif iaitu dewan dan surau,” katanya.

Beliau berkata RTC Kelantan sedang menaik taraf pusat pemborongan kuih yang bernilai RM200,000 dan pembinaan bilik sejuk serta stor penyimpanan barangan produk pertanian berjumlah RM2 juta. — Bernama



13 JUN, 2023

FAMA sasar RM350 juta kelantan tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA BHARU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan sebanyak RM350 juta jualan pelbagai produk pertanian, di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kelantan pada tahun ini, Pengerusinya AbdulRashid Bahri berkata sehingga Mei tahun ini, sebanyak RM122 juta hasil jualan diperolehi berbanding RM320 juta nilai jualan dicatatkan tahun lalu.